SAMPEL PERCUMA

Trial SPM 2026 Sabah + Skema

Set penuh: Kertas Trial SPM

Set Penuh 17 Subjek

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 14 fail PDF
- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM49.90

BELI SET PENUH RM49.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

8. Puan Salina membuat tuntutan insurans selepas mengalami kemalangan dan keretanya mengalami kerosakan teruk. Dalam masa yang sama, kereta milik pihak ketiga yang terlibat juga mengalami kerosakan dan kos pembaikannya ditanggung oleh syarikat insurans.
Nyatakan polisi insurans motor yang mungkin dimiliki oleh Puan Salina.

Puan Salina made an insurance claim after being in an accident and her car was badly damaged. At the same time, the car belonging to a third party involved was also damaged and the repair costs were borne by the insurance company. State the motor insurance policies that Puan Salina may have.

A Polisi akta
Act policy


B Polisi pihak ketiga
Third party policy

C Polisi komprehensif
Comprehensive policy

D Polisi pihak ketiga, kebakaran dan kecurian
Third party, fire and theft policy

15. Rajah 2 menunjukkan graf laju–masa bagi suatu zarah.

Diagram 2 shows the speed-time graph of a particle.



Rajah / *Diagram* 2

Nyatakan tempoh masa, dalam saat, apabila zarah bergerak dengan laju seragam.

State the duration of time, in second, when the particle moves with uniform speed.

A 12

B 9

C 6

D 0.5

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 *Markah*]

6 *Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Tagal atau 'bombon' merupakan sistem pengurusan sumber asli tradisional yang mapan, terutamanya bagi sumber hidupan akuatik sungai di Sabah. Tagal melibatkan peraturan berasaskan adat masyarakat Kadazan Dusun di Sabah berhubung dengan pemeliharaan ekosistem sungai bagi mengelak kepupusan spesies ikan air tawar seperti ikan pelian atau ikan kelah merah akibat aktiviti penangkapan yang tidak terkawal.

Sistem tagal yang diurus dan dipantau oleh Jabatan Perikanan Negeri Sabah, ini dapat mengelakkan pencemaran sungai selain menjanakan pendapatan masyarakat. Melalui sistem ini, penggunaan sumber semula jadi dihadkan untuk pemuliharaan dan bagi memastikan kewujudan sumber tersebut berterusan untuk generasi akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Keunikan Sistem Tagal di Sabah' oleh Faizul Zubairi,
Dewan Budaya.jendeladbp.my

Bahan 2

Sistem tagal ialah satu kaedah pengurusan biosfera yang popular di Sabah. Komuniti kampung Luanti Baru telah mengambil inisiatif untuk mengintegrasikan sistem tagal sebagai produk pelancongan sejak dibuka untuk kunjungan pada tahun 2006. Industri pelancongan yang berasaskan sistem tagal sebagai produk utama dan pengurusannya telah memberi manfaat kepada komuniti pelaksana di kampung tersebut.

Selain itu, sistem tagal kampung Luanti Baru telah berjaya mengaplikasikan sistem tagal bukan sahaja berjaya mengekalkan habitat semula jadi, malahan penglibatan masyarakat dalam industri pelancongan berasaskan pengurusan sistem tagal sebagai produk pelancongan telah melahirkan kesedaran terhadap nilai bekerjasama dalam komuniti.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sistem Tagal Dalam Industri Pelancongan: Manfaat Kepada Komuniti'
oleh Jurry Foo@ Jurry bt. F. Michael.

Bahan 2

SYAIR DAMAINYA ALAM

Ceritera alam di pagi hari,
Kabus memutih menambah seri,
Cahaya sang suria mula menari,
Pawana berhembus unggas berperi.

Damainya sungguh buana terbentang,
Jadi penawar hati yang bimbang,
Syukurlah selalu malam dan siang,
Kepada Allah sentiasa dikenang.

Ikan di laut berwarna-warni,
Karang di laut menari-nari,
Indahnya sungguh tidak terperi,
Itulah kekuasaan ciptaan Ilahi.

Terbang tinggi si rama-rama,
Hinggap sebentar di kuntum bunga,
Sungguh damai tidak terkira,
Mendengar unggas bersiulan di rimba.

Dunia kini semakin derita,
Musnahnya alam di mana-mana,
Angkara manusia tamak haloba,
Alam yang damai menjadi binasa.

Bumi ini amanah Tuhan,
Hindari diri dari binasakan,
Usahlah dibangkit murkanya Tuhan,
Kelaknya nanti ditimpa balasan.

Damailah alam usahlah rawan,
Darat dan laut langit dan awan,
Pohon-pohonan unggas dan haiwan,
Alam dan manusia seakrab kawan.

Anati binti Narius &Nurul Anati binti Jaimin
Antologi Karya Kreatif Sasterawan Muda

b) Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

Syarikat Hiasan Eksklusif Sendirian Berhad menyediakan perkhidmatan pereka hiasan dalaman di Kota Kinabalu, Sabah. Objektif syarikat ialah meningkatkan jualan sebanyak 30% dalam masa 3 bulan. Dengan merekrut lima orang lagi pekerja baharu, Puan Hasnah selaku Pengurus Pemasaran ditugaskan untuk melaksanakan promosi besar-besaran agar dapat meningkatkan jualan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Terangkan ciri-ciri objektif bagi perniagaan di atas.

[4 markah]

4. a) (i) Jelaskan konsep kebolehkerjaan?

[3 markah]

(ii) Jelaskan kemahiran kebolehkerjaan yang harus dimiliki oleh seseorang pekerja.

[4 markah]

b) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat YH Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan pelbagai jenis produk seperti beg sekolah, blaus wanita, kasut sekolah, kasut sukan, dan air mineral

Jelaskan struktur organisasi yang sesuai bagi syarikat tersebut.

[3 markah]

9. Baca petikan berikut dengan teliti.

Kopi Jati Enterprise merupakan sebuah perniagaan milikan tunggal yang mengusahakan rangkaian kafe bertema tradisional di sekitar Johor Bahru. Perniagaan ini menyasarkan golongan belia dan keluarga sebagai pasaran sasaran dengan menawarkan pelbagai menu kopi tempatan yang unik. Dengan operasi yang sistematik, kafe ini telah berjaya membina imej yang baik dalam kalangan pelanggan tempatan, namun pemiliknya berhasrat untuk mengembangkan lagi skala perniagaan ke peringkat kebangsaan dengan mengubah bentuk milikan perniagaan kepada syarikat sendirian berhad.

Sejak akhir-akhir ini, Kopi Jati menghadapi cabaran dalam pemasaran digital kerana kurangnya kepakaran dalam menguruskan platform media sosial secara profesional. Selain itu, kos operasi syarikat meningkat disebabkan oleh kenaikan sewa premis dan bil utiliti, yang akhirnya menjejaskan nisbah keuntungan syarikat. Pemilik mendapati prestasi kewangan tahun semasa menunjukkan penurunan margin untung bersih berbanding tahun sebelumnya, yang memerlukan tindakan segera daripada pihak pengurusan.

Bagi mengatasi masalah ini, pemilik merancang untuk menggunakan aplikasi e-hailing bagi meluaskan jangkauan penghantaran produk terus ke rumah pelanggan. Strategi promosi "Beli 1 Percuma 1" akan dijalankan pada setiap hujung minggu untuk menarik lebih ramai pengunjung. Pemilik juga sedang mempertimbangkan untuk mendapatkan pembiayaan tambahan daripada agensi kerajaan bagi menaik taraf peralatan dapur dan membuka cawangan baharu di kawasan yang lebih strategik.



BUTIRAN	TAHUN 2025 (RM)	TAHUN 2026 (RM)
JUALAN BERSIH	250,000	280,000
UNTUNG BERSIH	75,000	60,000
MARGIN UNTUNG BERSIH	30%	21.4%


Berdasarkan maklumat di atas, jawab soalan-soalan berikut:

a) Jelaskan bagaimana penggunaan teknologi maklumat dan e-hailing dapat menyokong aktiviti pemasaran kafe tersebut. [5 markah]

b) Berdasarkan infografik yang diberikan, tafsirkan prestasi kewangan Kopi Jati Enterprise bagi tahun 2026 berbanding tahun 2025. [6 markah]

c) Sekiranya Kafe Jati Enterprise ingin mengubah bentuk milikan kepada Kafe Jati Sdn. Bhd., jelaskan prosedur pemerbadanan syarikat yang perlu dilalui di bawah Akta Syarikat 2016. [4 markah]

15 Rajah 5 menunjukkan litar get logik.



Rajah 5

Berdasarkan Rajah 5, lengkapkan Jadual Kebenaran berikut.

A	B	P	Q	F
0	1			
1	0	0	1	1
1	1			
0	0	0	1	1

[2 *markah*]

16 Jadual 6 merupakan Jadual Murid dalam pangkalan data bernama KELAB.

NoDaftar	NamaMurid	Tingkatan	Kelas	Umur
XEA_4453	Ikhram Quzaini bin Taib	4	Amal	16
XEA_5341	Afiq Danish bin Abdullah	5	Adil	17
XEA_3712	Khadizah binti Razlan	3	Aktif	15

Jadual 6

Tuliskan kod atur cara SQL untuk mengemaskini maklumat murid berikut :

Nama Murid : Afiq Danish bin Abdullah
Kelas : Bestari
Umur : 18

.....

.....

.....

[3 *markah*]

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	**26 – 30** (28 – 30) (26 – 27)	**Tema/ Tugasan** • Karangan **menepati tema** bahan rangsangan / tugasan. **Idea** • Idea **relevan** dengan tema bahan rangsangan / tugasan. • Huraian **jelas** dan **matang**. **Bahasa** • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata **luas** dan **tepat**. • Unsur bahasa yang digunakan **bervariasi.** • Penggunaan *ungkapan menarik yang **sesuai** dan **tepat** • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. **Pengolahan** • Pengolahan **menarik** dan **berkesan**. • Laras bahasa **sesuai** mengikut tugasan. • Wacana **lengkap**. • Pemerengganan **sesuai**. ***Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.**
Kepujian	**20 – 25** (23 – 25) (20 – 22)	**Tema / Tugasan** • Karangan **menepati** tema bahan rangsangan / tugasan. **Idea** • Idea **relevan** dengan tema bahan rangsangan / tugasan. • Huraian **jelas.** **Bahasa** • Bahasa **gramatis** dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata **luas**. • Unsur bahasa yang digunakan **bervariasi**. • Ejaan yang **betul** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan tanda baca **betul** dan **tepat**.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Set Penuh 17 Subjek

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 14 fail PDF
- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM49.90

BELI SET PENUH RM49.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar